

kosmo
22/10/16
M/S 11

Remaja hamil luar nikah semakin membarah

ISU pembuangan bayi dan remaja hamil luar nikah bagaikan barah bernanah yang semakin kronik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai mekanisme dan kempen diadakan untuk merawat masalah sosial itu namun ia masih bagaikan mencurah air ke daun keladi kerana isu sama masih berterusan hingga ke hari ini tidak kira di bandar atau di desa.

Penulis sendiri turut mengenali seorang pelajar di sekolah menengah yang turut terjebak dalam masalah sosial. Beberapa tahun lalu, penulis menemuinya ketika dia sedang sarat mengandung. Bagaimanapun, daripada bentuk fizikal tubuhnya serta cara dia berjalan langsung tidak menampakkan keadaannya ketika itu.

Sehinggalah kira-kira dua minggu kemudian dia bersalin sendiri di dalam bilik air di rumah keluarganya yang seterusnya membongkar kisah bersama lelaki. Sayangnya, bayi lelaki seberat 3.5 kilogram itu meninggal dunia ketika dilahirkan.

Kosmo! minggu lalu turut melaporkan penemuan janin bayi yang sudah cukup sifat di dalam loji kumbahan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan. Janin berusia kira-kira enam bulan itu dipercayai dibuang atau digurukan dalam mangkuk tandas di dalam hospital tersebut. Laporan tersebut bagaimanapun bukan perkara baharu kerana banyak kes serupa telah dilaporkan sebelum ini.



lebihnya, seramai 411 pelajar yang hamil sudah berkahwin; seramai 120 pelajar yang berkahwin dan tidak bersekolah serta 52 orang tidak berkahwin dan tidak bersekolah.

Bagaimanapun, katanya, beliau menjangkakan bilangan remaja hamil itu lebih tinggi kerana ramai yang tidak pergi ke klinik kerajaan bagi mendapatkan rawatan terutama di kalangan mereka yang masih bersekolah. Sebanyak lima kes pembuangan bayi turut dilaporkan di negeri itu tahun lalu manakala tiga kes sama dilaporkan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

“Secara purata kira-kira 18,000 remaja dilaporkan hamil dan mendapatkan rawatan di klinik kerajaan setiap tahun

“Jika melihat 787 kes remaja hamil yang dilaporkan, ia hanya 2.6 peratus berbanding dengan 30,607 kes ibu mengandung di negeri ini tahun lalu.

“Angka ini mungkin nampak kecil tetapi kerajaan negeri memandang serius setiap kes remaja hamil,”

katanya.

Tahun lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Subramaniam juga pernah mendedahkan, secara purata kira-kira 18,000 remaja dilaporkan hamil dan mendapatkan rawatan di klinik kerajaan setiap tahun dan daripada jumlah itu, 25 peratus atau kira-kira 4,500 kes membabitkan remaja yang mengandung luar

nikah. Daripada segi kiraan kasar, kira-kira 50 orang remaja dilaporkan hamil setiap hari.

Beliau turut memberitahu, Kaji Selidik Kesihatan Pelajar Berasaskan Sekolah Global kendalian Kementerian Kesihatan pada 2012 membabitkan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di seluruh negara, mendapati 50.4 peratus yang ditemui mengaku mengadakan hubungan seks kali pertama sebelum usia 14 tahun.

Menurut Subramaniam, kehamilan di kalangan remaja bukan sahaja memberi kesan kepada individu berkenaan, malah dikhuatiri boleh mengundang risiko kematian terhadap bayi dalam kandungan selain ibu itu sendiri.

“Kadangkala ada remaja ini yang menyembunyikan kehamilan mereka sehingga mendatangkan risiko kepada badan sendiri dan ada yang meninggal dunia semasa proses kehamilan atau ketika bersalin,” katanya.

Pakar psikologi dan Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Mariani Mohd. Nor memberitahu, salah satu punca terjadinya kes kehamilan di luar nikah oleh kalangan remaja ialah kerana sikap remaja itu sendiri. Dalam proses sosialisasi di sekolah, remaja akan mencari kawan. Pada masa sama, mereka juga hendak orang beri lebih perhatian dari dalam kalangan rakan sebaya ataupun individu yang lebih matang.

“Rangsangan nafsu seksual waktu remaja dan akil baligh sedang membuak akibat rembesan hormon dan pada masa sama ada rakan lain jantina memberi perhatian lebih sehingga mewujudkan ruang dan peluang untuk melakukan hubungan seksual,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

ini. Kes tersebut bagaimanapun hanya sebahagian cebisan lebih banyak laporan kejadian sama sebelum itu.

Penulis juga tidak terkejut ketika membawa laporan akhbar mengenai pendedahan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam, Integrasi Nasional dan Pembangunan Baharu Perak, Datuk Dr. Mah Hang Soon baru-baru ini mengenai jumlah tinggi kes remaja hamil di negeri itu sepanjang tahun lalu.

Menurut laporan tersebut, sebanyak 615 kes atau 78 peratus daripada 787 kes remaja hamil yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Jabatan Kesihatan Perak sepanjang tahun lalu, terdiri daripada pelajar sekolah. Daripada jumlah tersebut, seramai 204 remaja merupakan pelajar sekolah yang masih belum berkahwin. Se-